

ABSTRAK

Objektif kajian ialah untuk meneroka strategi resosialisasi juvana, meneroka aspek perubahan diri juvana, mengenalpasti reaksi juvana terhadap proses resosialisasi yang dilaluinya, mengenalpasti masalah semasa resosialisasi dan mencadangkan satu kerangka baharu resosialisasi juvana. Teori yang digunakan adalah '*total institution*' (TI) oleh Goffman (1961). Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan. Pemilihan responden adalah melalui pensampelan bertujuan melibatkan 23 orang juvana (12 lelaki, 11 perempuan), berumur lingkungan 10 hingga 18 tahun, 16 orang tenaga pengajar, empat orang pentadbir, empat orang pembantu kebajikan masyarakat dan tiga orang kaunselor dari tiga buah institusi pemulihan JKM. Pengumpulan data kajian menggunakan kaedah temu bual bersama 50 responden, pemerhatian di (kelas pembelajaran, aktiviti harian, program institusi, kawasan institusi) selama 22 minggu dan analisis dokumen. Analisis data adalah secara tematik. Dapatan menunjukkan strategi untuk resosialisasi juvana ialah prosedur kemasukan, pengenalan kepada sistem institusi, pelaksanaan peraturan, kawalan berterusan, sistem ganjaran hukuman, rutin harian, perkhidmatan kaunseling, kelas (akademik, kemahiran, agama), aktiviti (kesenian, kesukanan), penglibatan juvana dengan masyarakat, hubungan baik kakitangan dengan juvana, penglibatan keluarga juvana dan kerjasama dengan pihak luar. Perubahan diri juvana adalah identiti positif, tingkah laku, penguasaan kemahiran dan pengetahuan vokasional, akademik, agama, kesenian serta kesukanan. Terdapat amalan adaptasi dan penyesuaian sekunder telah diamalkan oleh juvana sebagai reaksi kepada proses resosialisasi yang dilaluinya. Antara masalah semasa resosialisasi ialah berkaitan juvana (tingkah laku, pembelajaran, emosi), institusi (kekurangan kakitangan, kemudahan, kekurangan kewangan), keluarga (sosioekonomi, sikap tidak bertanggungjawab) dan persepsi negatif masyarakat. Kesimpulannya resosialisasi merupakan proses kompleks kerana memerlukan komitmen semua pihak (juvana, institusi pemulihan, keluarga juvana, anggota masyarakat) dan masa panjang. Implikasinya, kajian mencadangkan satu kerangka baharu resosialisasi juvana dan kerangka ini dicadangkan diuji keberkesanan dan diperluaskan penggunaannya di institusi pemulihan lain.